

KONSEP PENDINDING DALAM AKIDAH ISLAM: KAJIAN KES TERHADAP USAHAWAN MELAYU KELANTAN

(Shielding against Black Magic in the Islamic Faith: A Case Study on Kelantanese Entrepreneurs)

*Mohd Nizam Sahad
nizamsahad@usm.my*

*Nurul Suhaida Ibrahim
nsi16_hum072@student.usm.my*

Bahagian Pengajian Islam,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Makalah ini meneliti konsep pendinding dan amalannya dalam kalangan usahawan Melayu Kelantan bagi menghindari gejala sihir yang digunakan oleh pesaing dalam perniagaan. PENDING yang diamalkan hendaklah memohon perlindungan daripada Allah SWT dan selaras dengan kehendak dan syariat Islam. Kajian dijalankan terhadap sejumlah usahawan Melayu Kelantan kerana orang Melayu Kelantan, khususnya wanita, banyak yang terlibat dalam dunia perniagaan. Kajian dilaksanakan menggunakan dua kaedah, iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kaedah kajian kepustakaan digunakan untuk membina kerangka konsep yang berkaitan dengan pendinding dalam akidah Islam, manakala kajian lapangan dilakukan dalam bentuk temu bual dengan usahawan Melayu Kelantan yang terpilih. Hasil kajian menunjukkan bahawa segelintir usahawan Melayu Kelantan masih lagi tidak mengamalkan konsep pendinding yang sebenar menurut perspektif akidah Islam kerana terlibat dengan kepercayaan yang mengandungi unsur syirik dan khurafat.

Kata kunci: pendinding, usahawan Melayu Kelantan, akidah Islam, perniagaan

Abstract

This article takes a close look at the concept of shields and its practice among Malay business people to ward off any black magic that may be used against them by business rivals. Such shields should be sought through the help of Allah SWT and should be in line with the demands and rules of Islam. The research involved a number of Malay entrepreneurs from the state of Kelantan because the Malays of Kelantan, especially the women, are, to a great extent, involved in business. The research was carried out using two methodologies: library and field research. Library research was used to build the relevant conceptual framework with regard to shielding in Islam, while the fieldwork involved interviewing selected Kelantanese Malay entrepreneurs. The findings of this research show that a small number of Kelantanese Malay entrepreneurs still do not use shields that are truly in line with Islamic teachings but instead contain elements of shirk (the worship of other than Allah) and superstition.

Keywords: shield, Kelantanese Malay entrepreneurs, Islamic faith, business

PENDAHULUAN

Tujuan utama usahawan membuka perniagaan adalah untuk memaksimumkan keuntungan, di samping terus berusaha untuk mengembangkan perniagaan (Longenecker *et al.*, 2006; Madura, 2007; Scarborough dan Zimmerer, 2006). Para usahawan sudah tentu akan melakukan apa-apa sahaja untuk memperoleh keuntungan daripada perniagaan dan pada masa yang sama akan lebih berhati-hati ketika berurusan supaya tindakan yang diambil tidak mengalami kerugian. Namun, setiap perkara yang dilakukan pasti mempunyai risiko sama ada berpunca daripada kecuaiian sendiri atau hasad dengki dan perbuatan khianat pesaing dalam perniagaan. Oleh itu, di samping memiliki ilmu dan kemahiran keusahawanan (Van Gelderan, 2007), usahawan juga perlu mempersiapkan diri dengan amalan yang mampu menghindari dan melindungi perniagaan daripada sihir.

Dalam menangani sihir, terdapat suatu bentuk kepercayaan masyarakat dunia terhadap kepelbagaian pendinding. Sebagai contoh, Budge (1930) dalam tulisannya yang bertajuk *Amulets and Superstitions: The Original Texts with Translations and Descriptions of a Long Series of Egyptian, Sumerian, Assyrian, Hebrew, Christian* menjelaskan prinsip azimat dan tangkal yang digunakan oleh orang Semitik dari Asia Barat, Mesir, Nubia dan Ethiopia (Habsyah). Beliau memaparkan sejumlah 22 objek azimat dan 300 teks mantera yang membuktikan bahawa terdapat banyak

kepercayaan terhadap kuasa azimat pendinding dalam kalangan masyarakat yang dikaji. Bagi sesetengah pengguna, azimat dan tangkal tersebut diyakini memiliki fungsi yang pelbagai dan kuasa yang tersendiri.

Sementara itu, Profesor Belucci (1891) dalam makalahnya yang bertajuk “The Amulet Collection of Professor Belucci” yang dibentangkan dalam Annual Meeting of the American Folklore Society pada 29 November 1890 di Washington D.C., turut memaparkan koleksi azimat dan tangkal yang dikumpul daripada pelbagai etnik dan tempat dari seluruh dunia. Beliau yang berbangsa Itali berjaya mengumpulkan sejumlah 412 spesimen azimat yang dikatakan mengandungi pelbagai fungsi seperti pelindung daripada sihir (39 objek), pelindung daripada kejahatan mata (*ain al-hasid*), azimat daya penarik dan pengasih (149 objek), pelindung daripada pencuri (satu objek), azimat pengasih untuk percintaan (dua objek), penyembuh penyakit buasir (lima objek), pelindung daripada racun serangga (enam objek), dan sebagainya. Azimat tersebut terdapat dalam pelbagai bentuk seperti pingat gangsa, kuku badak sumbu, kulit ular kering, objek kristal, karang, dan sebagainya.

Begitu juga di negara Turki, tradisi azimat pendinding dikenali sebagai *nazarlik* yang berfungsi untuk menangkis gejala sihir berbentuk *evil eye* atau kesan daripada pandangan hasad dengki manusia. *Nazarlik* digunakan oleh hampir seluruh premis perniagaan. Kepercayaan terhadap *nazarlik* sebagai pendinding masih menebal meskipun *nazarlik* kini dijadikan hiasan dan cenderahati dalam budaya masyarakat Turki.

Fenomena penggunaan azimat dan tangkal sebagai pendinding bukan sahaja popular di Turki, malahan digunakan dalam kalangan masyarakat di Alam Melayu. Seperti kajian Nor Rafidah dan Mohd. Nizam (2014) dalam makalahnya yang bertajuk “Amalan PENDING Rumah bagi Masyarakat Melayu Brunei: Tinjauan dari perspektif Akidah Islam”, terdapat dua informan yang ditemu bual telah mengamalkan pendinding rumah masing-masing selama lebih kurang 20 dan 30 tahun. Pada kebiasaannya, objek pendinding yang dimaksudkan oleh responden terdiri daripada tangkal dan azimat yang telah dijampi oleh bomoh. Tangkal yang biasa digunakan adalah dalam bentuk gelang tangan yang diperbuat daripada benang yang dijampi. Ekor ikan pari yang panjang turut diletakkan di tempat tertentu seperti dililit di atas pintu masuk rumah dengan maksud dan kepercayaan bahawa tangkal tersebut akan dapat melindungi diri dan harta benda daripada gangguan syaitan, jin atau makhluk halus. Azimat seperti benda atau objek yang terdiri daripada tulisan yang ditulis pada kertas, kain, dan sebagainya dipercayai dapat menghindari daripada terjadinya musibah ke atas diri, keluarga dan harta benda. Responden yang ditemu bual turut yakin bahawa azimat yang dimiliki mempunyai kekuatan ghaib.

Hal yang sama turut berlaku di Kelantan, sebuah negeri di pantai timur di

Semenanjung Malaysia yang menjadi tumpuan lokasi kajian. Hasil tinjauan awal dan kajian rintis mendapati segelintir masyarakat Melayu masih mengamalkan amalan yang pelik dan mistik sebagai pendinding, penyembuhan penyakit dan pengelak nasib malang. Dari sudut sejarah lampau yang dapat dikesan seawal abad ke-20, kajian



Rajah 1 Nazarlik yang dijual di kedai perhiasan Turki di Pulau Pinang.

kepuustakaan menjumpai suatu bentuk kepercayaan masyarakat Melayu Kelantan terhadap azimat duit syiling lama yang mempunyai kuasa untuk mengubati penyakit dan keupayaan duit tersebut untuk mengasah lidah burung supaya boleh berkata-kata seperti yang dinyatakan oleh Maclehose and Sons (1907):

At the present date the coins are not used as money, but are considered of much talismanic value against sickness and ill luck, being applied also to the tongue of the talking Minah to assist that bird in mastering the intricacies of the Malay language. In fact, the “Mas Dinar” is the crooked sixpence of the Malay.

Menurut Muhammad (2009), masyarakat Melayu Kelantan masih percaya terdapat amalan tertentu yang boleh dilakukan dan mampu menjadi pendinding daripada perbuatan jahat manusia atau makhluk halus. Pada masa yang sama, masih ada lagi dalam kalangan mereka yang mengamalkan konsep perlindungan yang salah. Oleh itu, makalah ini akan membincangkan secara lebih terperinci amalan pendinding perniagaan yang diamalkan oleh usahawan Melayu Kelantan menurut perspektif akidah Islam.

Kajian ini menggunakan kaedah gabungan antara kajian kepustakaan dengan kajian lapangan. Kajian kepustakaan dilakukan dengan meneliti sumber bahan bertulis yang relevan dengan topik kajian yang dilakukan. Kajian lapangan pula dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual terhadap usahawan terpilih di Kelantan bagi mengetahui dan menjawab persoalan kajian. Adakah usahawan Melayu Kelantan beramal dengan konsep pendinding yang sebenar? Bagaimanakah kefahaman usahawan Melayu Kelantan tentang konsep pendinding? Dan, Adakah usahawan Melayu Kelantan menggunakan elemen pendinding dalam perniagaan yang bertentangan dengan konsep pendinding yang sebenar? Kaedah temu bual secara mendalam digunakan kerana dapat mencungkil banyak maklumat dan pandangan sebenar responden yang lazimnya sukar diperoleh melalui penggunaan soal selidik. Responden dipilih secara rawak dalam kalangan usahawan di Kelantan. Sepuluh orang usahawan ditemu bual, hasil temu bual ditranskripsikan dan seterusnya pilihan dilakukan dengan mengambil data daripada responden terpilih yang menceritakan pengalaman dan amalan pendinding sahaja. Setiap temu bual mengambil masa antara satu hingga satu setengah jam dan dengan kebenaran mereka yang ditemu bual. Setiap sesi telah dirakam dan rakaman audio temu bual telah ditranskripsikan bagi membolehkan analisis tematik secara kualitatif seperti yang dianjurkan oleh Creswell (2005) dibuat. Tema utama hasil temu bual telah dikategorikan untuk menjawab persoalan kajian yang dinyatakan.

Skop kajian meliputi usahawan yang menjalankan perniagaan di Kota Bharu, Kelantan dan tidak memfokuskan jenis perniagaan tertentu sahaja supaya dapat digeneralisasikan kepada semua kumpulan usahawan. Kajian dilakukan di Kelantan kerana majoriti usahawan di Kelantan berbangsa Melayu dan terkenal kerana kegigihan menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan hinggalah kepada besar-besaran (*Utusan Melayu*, 2014). Hal ini terbukti menerusi kajian Norshuhaida (2014) dan Ilhaamie Abdul Ghani (2014) yang menunjukkan bahawa kebanyakan orang Melayu Kelantan, khususnya wanita terlibat dalam perniagaan. Selain itu, berdasarkan pemerhatian didapati ruang dan peluang perniagaan di sekitar Pasar Siti Khadijah didominasi oleh usahawan wanita.

KONSEP PENDINDING DALAM KALANGAN USAHAWAN MELAYU KELANTAN



Rajah 2 Usahawan wanita Kelantan sedang berniaga di sekitar Pasar Siti Khadijah.

Berdasarkan kajian lapangan yang dijalankan selama dua minggu pada bulan Oktober 2015 menerusi pemerhatian dan temu bual, didapati kesemua usahawan Melayu Kelantan mengamalkan konsep pendinding atau meminta perlindungan. Data menunjukkan bahawa konsep pendinding yang diamalkan oleh usahawan Melayu Kelantan dikategorikan kepada dua, iaitu sama ada yang mematuhi konsep pendinding dalam akidah Islam atau sebaliknya. Dengan kata lain, konsep memohon perlindungan dalam perniagaan dikategorikan kepada amalan yang sah di sisi syarak dan yang tidak sah di sisi syarak. Antara aspek lain yang dapat dianalisis berdasarkan data tersebut termasuklah tradisi lisan, objek pendinding, doa atau mantera, dan unsur kepercayaan yang terkandung dalam konsep pendinding dalam kalangan usahawan Melayu Kelantan.

Tradisi lisan bermaksud apa-apa sahaja jenis konsep memohon perlindungan yang disampaikan atau diberitahu oleh orang tua-tua yang diamalkan dan diperturunkan kepada anak cucu, dan seterusnya menjadi amalan usahawan di Kelantan. Dalam



Rajah 3 Usahawan Melayu Kelantan di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu.

konsep memohon perlindungan dalam bentuk tradisi lisan mungkin terdapat unsur penambahan atau pengurangan dari segi penyampaian daripada orang terdahulu kepada generasi seterusnya. Dialog dialek Kelantan yang direkodkan oleh pengkaji semasa kajian lapangan menyatakan bahawa pelaris atau pendinding yang diamalkan berasal daripada tradisi lisan orang tua-tua dahulu:

Hok beso duk ado, pelaris ko pendinding ko, biasonyo ore tuolaa duk buwi. Pelaris pendinding hok duk ado ni gak, mok cik tahu pon tok nenek, ore jamey-jamey dululaa duk ceghito, royak, ajarnya ... Kalu dop, tok tahu-tahu pon.

(Responden 1)

Maksudnya: Yang kebiasaannya ada, pelaris atau pendinding yang digunakan adalah daripada apa-apa yang telah disampaikan oleh orang tua-tua, nenek moyang. Kebanyakan pelaris yang mak cik ketahui ini diberitahu oleh nenek moyang, orang

zaman dahulu. Kalau bukan mereka yang menceritakan semua ini, kita tidak akan dapat mengetahuinya.

Antara contoh tradisi lisan seterusnya termasuklah penggunaan keris peninggalan orang lama sebagai bahan pendinding. Mohd. Taib (1982) menyebut bahawa objek daripada tradisi lisan yang hidup dalam kehidupan masyarakat juga boleh dianggap sebagai salah satu tradisi lisan. Mengikuti responden yang ditemu bual, keris lama orang zaman dahulu tentunya telah digunakan untuk membunuh musuh. Oleh hal yang demikian, keris tersebut pasti ada penjaga atau penunggunya yang berupa makhluk halus yang boleh digunakan sebagai pendinding diri. Antara dialog yang berkaitan dengan keris lama yang telah direkodkan semasa temu bual adalah seperti yang berikut:

Ore jamey ritu ni dio guno keris untok wat bunuh ore, jadi bendo tu jadi beratulah. Ado bendo jago, nunggu. Sipey rumoh ko, kedda ko, ore curi tok masuklah. Ore hok ado niat tok comey akae napok lain kalu kito letok bendo tuh. Jadi takut nok masuk, hok nok masuk pon tok jadi nok masuk.

Maksudnya: Orang zaman dahulu menggunakan keris untuk melawan kejahatan dan membunuh orang. Oleh sebab itu, keris lama yang disimpan berkemungkinan menjadi berhantu. Ada sesuatu pada keris itu yang menjaga dan menunggunya. Andai keris tersebut disimpan di kedai atau di rumah, pencuri tidak akan memasukinya. Orang yang ada niat yang tidak baik dan ingin melakukan sesuatu yang tidak baik akan nampak lain pada kedai atau rumah tersebut. Kelainan tersebut menyebabkan mereka takut untuk melakukan perkara yang tidak baik pada kedai atau rumah tersebut.

Menurut responden yang telah ditemu bual, jika usahawan yang menjalankan perniagaan menggunakan keris lama sebagai pendinding dengan meletakkan keris tersebut di rumah atau di kedai, rumah atau kedai mereka akan terlindung dan terselamat daripada segala ancaman dan niat jahat yang datang daripada pesaing. Tambah responden itu lagi, pesaing yang berniat buruk terhadap kedai tersebut akan merasakan ada sesuatu yang sedang menjaga kedai tersebut sehingga mereka membatalkan niat buruk dan melarikan diri.

Objek pendinding merupakan tema kedua yang akan dibincangkan. Objek pendinding merupakan sesuatu benda atau objek yang digunakan sebagai pendinding yang menjadi kepercayaan pengamal bahawa objek tersebut mampu mendinding dan melindungi mereka daripada makhluk jahat dan musibah. Objek pendinding tersebut kebanyakannya berupa tangkal yang dipercayai mempunyai kuasa sebagai

pendinding. Menurut Belucci (1891), kepercayaan ini merupakan suatu bentuk fenomena universal yang wujud dalam masyarakat di seluruh dunia. Sungguhpun demikian, Islam melarang penggunaan azimat dan tangkal dengan kepercayaan bahawa kuasa pendinding yang dimiliki oleh objek tersebut jelas merupakan suatu bentuk penyelewengan akidah yang mensyirikkan Allah (JAKIM, 2008). Pengamal akan menyimpan objek tersebut sama ada di rumah atau di tempat mereka berniaga. Kebanyakan pengamal akan menyangkut objek tersebut pada dinding kedai atau meletakkannya di dalam laci meja tempat menyimpan duit. Terdapat banyak objek pendinding yang telah dimaklumkan oleh responden seperti tulang dan kuku harimau, tulang unta, ibu bertap, kain ihram dan cebisan kelambu Kaabah. Sebahagian daripada gambar objek tersebut telah diambil atas keizinan responden. Hasil temu bual mendapati bahawa keyakinan para pengamal amat tinggi terhadap objek pendinding. Mereka yakin bahawa objek tersebutlah yang menjaga dan melindungi mereka dan pertolongan itu bukannya daripada Allah semata-mata. Antara objek popular yang digunakan sebagai pendinding termasuklah ibu bertap, iaitu rambut yang dipercayai kepunyaan Puteri Saadong.

Menurut seorang responden yang ditemu bual, Puteri Saadong merupakan anak angkat Cik Siti Wan Kembang, raja wanita pertama negeri Kelantan. Nama penuh Puteri Saadong ialah Tuan Puteri Saadong binti Raja Loyor yang merupakan anak



Rajah 4 Kuku harimau.



Rajah 5 Cebisan kelambu Kaabah.



Rajah 6 Ibu bertap.

(Sumber: Enjin carian google)

perempuan Raja Loyor bin Raja Sakti, iaitu Raja Jembal. Puteri Saadong telah dibawa oleh Cik Siti Wan Kembang ke Bukit Marak apabila ibunya meninggal dunia. Puteri Saadong mengambil alih pemerintahan ayahandanya, iaitu Raja Jembal pada tahun 1667 dan ditabalkan sebagai sultan Kelantan pada tahun yang sama. Baginda Puteri Saadong merupakan raja wanita kedua negeri Kelantan. Setelah beberapa tahun, berlaku konflik antara Puteri Saadong dengan suaminya, ekoran kes penculikan Puteri Saadong oleh raja Siam. Taja menculik Puteri Saadong kerana sudah lama tergilagila akan kecantikan Puteri Saadong. Setelah diculik, raja Siam ingin melakukan perkara yang tidak baik terhadap Puteri Saadong, lalu Puteri Saadong meludahkan tangan raja Siam. Tambah responden lagi, ludahan Puteri Saadong mengandungi racun yang boleh menyebabkan kudis yang teruk. Oleh sebab itu, hampir separuh daripada bahagian tangan raja Siam berkulit kudis. Raja Siam memohon ampun kepada Puteri Saadong dan meminta Puteri Saadong menyembuhkan penyakitnya. Puteri Saadong bersetuju untuk menyembuhkan raja Siam dengan syarat raja Siam perlu membebaskan Puteri Saadong setelah baginda sembuh. Setelah beberapa lama, Puteri Saadong kembali kepada Raja Abdullah, namun Raja Abdullah telah menuduh Puteri Saadong berlaku curang. Disebabkan terlalu marah, Puteri Saadong telah membunuh Raja Abdullah dan meninggalkan istana. Puteri Saadong telah menghilangkan diri. Ada yang mengatakan bahawa Puteri Saadong menetap di dalam gua di Bukit Marak. Oleh sebab itu, ada yang datang meminta pertolongan seperti meminjam sesuatu barang daripada Puteri Saadong. Meskipun kini Puteri Saadong tiada, masih ada yang datang meminta pertolongan dengan cara mengambil rambut yang dipercayai kepunyaan Puteri Saadong seperti yang dinyatakan oleh responden semasa temu bual, iaitu:

Kebanyakkae gak ore tuo dulu kato rambut Puteri Saadong pon buleh buat pelaris nego, nok suruh kebal-kebal, pengasihlaa. Mache-mache, tapi ore tok panggil mugo ni rambut Puteri Saadong, ore panggil ibu bertap, bendo tu bendo hidup, keno perasak keno wi makey. Kaddey-kaddey gulung dio buleh besar sapa sebesar telur ayey. Ada banyak jenis, banyak kala. Ado kala mah, kala perok, kelabu, kala itey. Biasonyo hok paling payoh nok jupo gak kala mah la, hok tu hok jadi sekali.

Maksudnya: Kebanyakan orang tua dahulu mengatakan rambut Puteri Saadong juga digunakan sebagai pelaris perniagaan, pendinding dan pengasih. Namun, di sini orang tidak memanggilnya rambut Puteri Saadong tapi orang memanggilnya ibu bertap yang dikatakan hidup dan perlu diberi makan dengan cara mengasapinya. Kadang-kadang, gulungan rambut ini boleh membesar sehingga sebesar telur ayam. Rambut ini ada banyak jenis dan banyak warna. Ada yang berwarna emas, perak, kelabu dan hitam. Biasanya jenis yang paling sukar untuk ditemui ialah

yang berwarna emas dan jenis itu adalah yang paling baik.

Doa atau mantera juga merupakan salah satu cara melindungi diri mereka. Doa yang diamalkan oleh usahawan Melayu Kelantan bukan sahaja diambil daripada al-Quran dan hadis yang jelas bacaannya dan dapat difahami maksudnya tetapi juga mantera atau jampi yang tidak dapat difahami maksud dan kesahihan sumbernya. Menurut Responden 1:

Mok cik amal ayat-ayat Kursi, ayat seribu dina. Hok tulah ustak-ustak duk aja pon. Nok melareh nego, nok elok bendo-bendo dok molek.

Maksudnya: Mak cik amal membaca ayat Kursi, ayat seribu dinar. Ustaz-ustaz juga suruh menjadikannya sebagai amalan harian untuk melariskan perniagaan dan menjadi pendinding kedai.

Responden 2 pula menyatakan:

Baco Qur'e, baco sokmo. Dale kito duk beramal ni kito kena istiqomoh, bia bendo tu masok daley diri kito. Bukaenya baco, pahtu arap Allah buwi gapo hok kito nok. Bukae! Kito baco sebab kito nok beramal, nok redho Allah. Bukey sebab nok Allah buwi gapo hok kito nok. Insyallah. Nati Allah buwilah gapo hok molek ko kito.

Maksudnya: Bacalah al-Quran, sentiasa membaca. Apabila melakukan amalan, kita perlulah istiqamah agar setiap yang diamalkan itu sehati dalam diri kita. Bukan sekadar membaca al-Quran tetapi pada masa yang sama mengharap sesuatu ganjaran daripada Allah supaya Allah tunaikan impian yang diinginkan itu. Bukan begitu! Kita melakukan sesuatu amalan itu perlulah dengan niat kita hendak beramal untuk mendapatkan reda Allah, bukannya mengharap ganjaran di dunia. Insyallah, setelah itu Allah kurniakan apa-apa yang terbaik untuk kita."

Seterusnya, kepercayaan yang diyakini oleh peniaga termasuk pendinding dalam kehidupan mereka. Kepercayaan tentang sesuatu yang jika dilakukan akan membawa kesialan, kemudaratan dan ada juga yang membawa keuntungan. Dialog pengkaji terhadap Responden 2 yang yakin dan percaya kepada sesuatu kepercayaan adalah seperti yang berikut:

Tok ni dio pon jenis ore beramal jugok, ore ado ilmu. Ambo tok berapo tahu sebab dio tok cerita, tapi gak dio oyak kalu ore tikey pon tok lut. Dio jawabnyo bendo tu mari dari asal, ore jamey dulu gak kato beranak gundi tok pecoh, ore tuo cayo bendo ni mache istimewa, lain dari hok lain. Jenis babil, kebal.

Maksudnya: Datuk dia ini juga jenis orang yang beramal, orang ada ilmu. Saya tidak berapa pasti sebab dia tidak bercerita tetapi dia pernah beritahu kalau orang

tikam tidak cedera. Dia jawab benda itu diperoleh sejak lahir. Orang zaman dahulu beritahu bayi yang lahir tetapi tubannya tidak pecah dipercayai mempunyai keistimewaan, lain daripada yang lain. Menjadikan dia kebal.

Dikatakan ilmu yang dimilikinya merupakan suatu anugerah Allah sejak dilahirkan. Mereka percaya bahawa bayi yang dilahirkan dalam keadaan lain daripada yang lain memiliki keistimewaan yang tersendiri, iaitu bakal menjadi kebal apabila dewasa.

KONSEP PENDINDING MENURUT AKIDAH ISLAM

Konsep pendinding (*isti'azah*) menurut ajaran Islam adalah untuk memohon perlindungan daripada Allah SWT sama ada dengan menggunakan ayat al-Quran sebagai amalan atau mengamalkan doa yang telah diajarkan oleh Rasulullah SAW dalam hadis yang sahih. Amalan dan doa tersebut boleh dilakukan sama ada sebelum terkena gangguan atau selepas terkena gangguan seperti dalam sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas r. a., katanya: Adalah Rasulullah SAW memohon perlindungan untuk Hasan dan Husin (cucu Rasulullah SAW). Sabdanya bermaksud: "Sesungguhnya datukmu, yakni Nabi Ibrahim a.s. telah memohon perlindungan Allah untuk Ismail dan Ishak dengan rukyah:

"Aku memohon perlindungan untuk kamu dengan kalimat Allah Yang Maha Sempurna daripada segala gangguan syaitan dan gigitan binatang berbisa, serta segala jenis sihir yang tercela."

(al-Bukhari)

Dalam al-Quran juga terdapat banyak dalil yang menyuruh umat Islam sentiasa memohon perlindungan Allah daripada segala perkara yang memudaratkan, serta gangguan dan hasutan syaitan melalui bacaan ayat suci al-Quran. Pada hari ini, ada dalam kalangan masyarakat menggunakan al-Quran sebagai objek pendinding dengan menyimpan mashaf al-Quran di rumah. Selain itu, ada yang membeli bingkai gambar yang mengandungi ayat al-Quran tertentu, contohnya ayat Kursi yang terkandung dalam *Surah al-Baqarah* dan menggantungnya pada dinding rumah untuk dijadikan sebagai pendinding. Perlu diingatkan bahawa amalan membaca al-Quran bukanlah semata-mata untuk mendinding diri atau menjadikannya sebagai azimat untuk menjaga diri, tetapi harus mentadabbur, iaitu memahami tafsir ayat, mengambil iktibar dan membacanya dengan niat untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Dalam al-Quran Allah SWT berfirman:

“Jika Allah menimpakan suatu mudarat kepadamu, maka tidak ada yang dapat menghilangkannya kecuali Allah sendiri.”

(Surah al-An‘am 6:17).

Sekiranya amalan membaca al-Quran dilaksanakan dengan cara mentadabbur, pastinya akidah umat Islam tidak akan terpesong kerana pengharapan dan kebergantungan untuk meminta perlindungan daripada sebarang kemudaratan terarah semata-mata hanya kepada Allah SWT. Nor Rafidah dan Mohd. Nizam (2014) ada mengatakan bahawa amat penting seseorang Muslim membulatkan keyakinan dan keimanan bahawa Allah SWT bersifat Maha Pelindung kepada manusia daripada segala bahaya dan malapetaka, serta pada masa yang sama berkeyakinan bahawa Allah sebagai tempat meminta pertolongan seperti firman Allah SWT:

“Dan apa-apa sahaja nikmat yang ada pada kamu, maka daripada Allah (datangnya), dan apabila kamu ditimpa kemudaratan, maka hanya kepada-Nya kamu meminta pertolongan.”

(Surah al-Nahl 16:53)

Menurut Na’imah (2011), salah satu teknik dalam kaunseling Islam yang dapat diterapkan untuk mengatasi masalah keluarga akibat kemiskinan atau masalah lain adalah dengan beristi‘azah dan memohon perlindungan Allah. Dalam Islam, memohon perlindungan adalah tidak salah tetapi yang salahnya apabila medium yang digunakan itu menyeleweng daripada tuntutan syariat Islam. Muhammad Abduh dalam *Tafsir al-Maraghiy* (2001) mengatakan bahawa:

Pemberi bisikan itu ada dua jenis, iaitu bangsa jin, makhluk tersembunyi yang tidak diketahui. Kita hanya menemukan dalam diri kita suatu pengaruh atau kesan yang dinisbahkan kepada mereka. Bangsa manusia, godaan dan bisikan mereka kita lihat dan kita saksikan dengan mata kepala dan telinga. Allah SWT memberikan bimbingan agar manusia memohon pertolongan kepada-Nya seperti Dia memberikan bimbingan dalam *Surah al-Fatihah* untuk memberikan isyarat bahawa yang dapat mengatasi semuanya itu adalah dengan menghadapkan diri ke hadrat-Nya semata-mata, ikhlas dalam berkata dan beramal, tawakal kepada Allah dan bersabar untuk menghadapi hal yang tidak berkuasa menghalangnya.

Dari sudut akidah Islam, antara ciri khurafat termasuklah segala perbuatan yang tidak berdasarkan nas syarak sama ada al-Quran atau hadis, cerita rekaan dan dongeng, serta khayalan atau kepercayaan karut. Hukum beramal dengan perkara

yang khurafat dan mengamalkan pendinding yang tidak berdasarkan sumber syarak ditolak dalam Islam. Hal ini selaras dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Barang siapa mengada-adakan di dalam agama kami sesuatu yang tidak ada di dalamnya, maka yang dikerjakannya itu adalah tertolak.”

(Muslim)

Dalam Islam, kepercayaan terhadap benda yang dianggap keramat seperti pokok, kubur, telaga, dan sebagainya; memuja, memohon pertolongan dan melepaskan nazar pada benda tersebut; serta percaya bahawa objek tersebut mempunyai kuasa selain Allah SWT membawa kepada syirik dan bertentangan dengan kepercayaan tauhid kepada Allah SWT. Kepercayaan terhadap sial dan beramal dengan mandi seperti mandi safar, jampi, dan sebagainya juga syirik dan merosakkan akidah. Rasulullah SAW melarang keras orang yang mempercayai sial. Baginda pernah bersabda yang bermaksud:

“Percaya kepada petanda buruk itu syirik, percaya kepada petanda buruk itu syirik, dan tiada seorang pun daripada kita melainkan dilanda oleh perasaan itu, tetapi Allah akan menghilangkannya dengan tawakal.” (Burung yang disebutkan sebagai contoh adalah seperti biawak, gagak dan kelicap.)

(Abu Dawud)

Amalan memuja dan memohon pertolongan daripada jin seperti yang selalu dilakukan oleh sesetengah bomoh dan dukun, syirik dan menyesatkan. Orang yang bersahabat dan menggunakan jin seperti tukang sihir dan tukang tenung tergolong dalam kalangan orang yang bodoh dan menzalimi diri sendiri. Perkara ini dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan janganlah engkau menyembah atau memuja yang lain daripada Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka jadilah engkau orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu).”

(Surah Yunus 10:106)

Sabda Rasulullah SAW juga bermaksud:

“Barang siapa yang menemui tukang tilik atau tukang sihir dan menanyakan

sesuatu kepadanya lalu terus mempercayai apa-apa yang dikatakannya, maka sesungguhnya ia telah mengkufurkan apa-apa yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.”

(Ahmad)

Menurut Abdullah (2003), syirik terbahagi kepada dua jenis, iaitu syirik jali (besar) dan syirik khafi (kecil). Syirik jali adalah dengan menyembah sesuatu selain Allah. Syirik jali boleh mengeluarkan seseorang daripada Islam (murtad) dan boleh mengakibatkan seseorang itu kekal di dalam neraka, jika mati sebelum sempat bertaubat daripada dosa tersebut. Contoh syirik jali adalah dengan menyembah patung berhala dan meminta bantuan kubur keramat. Syirik khafi pula tidak mengeluarkan seseorang daripada Islam tetapi syirik ini mencacatkan tauhid dan pegangan akidah, serta membawa kepada syirik jali. Contoh syirik khafi ialah suka menunjuk-nunjuk kehebatan diri, mengagumi diri sendiri dan bangga diri.

Dari sudut kepercayaan khurafat dan penggunaan azimat pula, JAKIM telah menerbitkan *Khurafat dan Azimat: Garis Panduan* (2008) sebagai kemudahan umat Islam untuk membuat rujukan dan sebagai langkah memelihara kesucian akidah umat Islam. Antara perkara yang disentuh dalam garis panduan tersebut termasuklah perkara yang berhubung dengan ciri khurafat dan azimat. Antara ciri khurafat termasuklah perkara yang tidak berdasarkan nas syarak; merupakan cerita rekaan, dongeng, khayalan dan kepercayaan karut; bersumberkan kepercayaan lama dan adat yang bercanggah dengan Islam; berbentuk pemujaan dan permohonan kepada makhluk halus untuk tujuan yang memudaratkan dan menyeleweng daripada akidah Islam; menggunakan objek tertentu seperti kubur, pokok, dan sebagainya untuk tujuan tertentu; serta mengandungi unsur negatif yang menjejaskan akidah dan syariat Islam.

Ciri azimat pula ialah kepercayaan terhadap kekuatan sesuatu benda bukan berdasarkan nas syarak; menjadikan tulisan, rajah dan objek tertentu sebagai tangkal; menggunakan jampi serapah yang dicampur aduk dengan perkara kufur yang boleh membawa kepada syirik; serta berjampi dengan objek atau rajah yang bercampur aduk dengan ayat al-Quran untuk tujuan tertentu. Dalam hal ini, kekeliruan mula timbul apabila ayat al-Quran dan hadis turut digunakan oleh sebahagian daripada pengamal sebagai alternatif untuk mengaburi syirik.

ANALISIS AMALAN PENDINDING DALAM KALANGAN USAHAWAN

MELAYU KELANTAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN AKIDAH ISLAM

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), pendinding bermaksud penutup, penyekat, penghalang, pelindung dan doa untuk melindungi diri daripada marabahaya. Maksud pendinding ini selaras dengan kepercayaan masyarakat Melayu yang meyakini bahawa pendinding mampu menghalang unsur jahat, serta melindungi mereka daripada kejahatan dan musibah. Walau bagaimanapun, menurut akidah Islam, amalan memohon perlindungan yang bertentangan dengan al-Quran dan sunah, yakni selain Allah boleh terjerumus kepada syirik dan khurafat. Dalam hal ini, Islam sangat menitikberatkan soal akidah dan syariah kerana segala amalan dan kepercayaan yang tidak berdasarkan al-Quran, hadis, ijmak dan qias ditolak oleh Islam.

Kajian lepas mendapati bahawa amalan pendinding dalam kalangan masyarakat Melayu Islam merupakan suatu fenomena yang sudah lama berlaku dan diamalkan dalam masyarakat. Menurut Nor Rafidah dan Mohd. Nizam (2014), amalan pendinding dalam kalangan masyarakat Melayu di Brunei merupakan suatu bentuk warisan yang diperturunkan dan diamalkan sejak sekian lama. Amalan dan kepercayaan tersebut telah sebatu dalam kehidupan segelintir masyarakatnya. Ada amalan yang selari dengan kehendak Islam dan ada juga sebaliknya. Menurut Muhammad (2009) pula, pada kebiasaannya pendinding terdiri daripada tangkal atau azimat yang telah dijampi oleh bomoh dan ada juga yang mengatakan bahawa ayat al-Quran apabila dibaca atau dihafal memberikan perlindungan daripada sebarang perkara buruk yang mungkin berlaku. Malah, masih ada segelintir masyarakat yang meminta pertolongan makhluk halus sebagai pendinding mereka. Menurut Ani (2014), kepercayaan bercorak animisme yang mempercayai kewujudan makhluk halus ini terus dipegang oleh orang Melayu walaupun telah menganuti agama Islam. Sememangnya penciptaan jin, syaitan, malaikat dan perkara ghaib lain merupakan perkara yang benar. Namun, meminta daripada sesuatu selain Allah sebagai penolong dan pelindung merupakan perbuatan yang salah dalam Islam.

Dari sudut dunia perniagaan dan hubungannya dengan amalan pendinding, hubungan antara kedua-duanya tidak dapat dielakkan. Hal ini dikatakan demikian kerana usahawan pada kebiasaannya tidak dapat menghindari perasaan dengki dan khianat pesaing mereka. Dari sudut akidah dan akhlak, Islam amat melarang perbuatan dengki dan khianat. Menurut Masoud dan Elaheh (2012), seseorang usahawan perlu mempunyai keupayaan tenaga fizikal dan kewangan untuk mendapatkan faedah yang halal dengan izin Allah. Oleh hal yang demikian, seseorang usahawan tidak seharusnya menyimpan perasaan dendam atau dengki kepada pesaing. Mereka sepatutnya menggunakan ilmu dan keupayaan yang diberikan oleh Allah untuk memperoleh rezeki yang baik dan halal tanpa menganiaya peniaga lain. Penganiayaan

terhadap peniaga lain sebenarnya menjauhkan diri dan perniagaan mereka daripada berkat dan rahmat Allah SWT.

Oleh itu, ekoran kelaziman berlakunya unsur khianat, sihir dan buatan orang dalam dunia perniagaan, khususnya dalam kalangan usahawan dan peniaga Melayu, maka kebanyakan usahawan Melayu mengamalkan pendinding. Abdullah (2003) mendefinisikan sihir dari segi bahasa sebagai gambaran tentang sesuatu yang tersembunyi dan sangat halus sebab-sebabnya. Beliau turut menukilkan kata-kata Ibn al-Qayyim yang memberikan maksud sihir sebagai sesuatu pemujaan terhadap roh jahat, di samping mengharapkan kesaktian luar biasa daripadanya.

Kajian lapangan mendapati bahawa amalan pendinding dalam perniagaan telah lama diamalkan oleh usahawan Melayu Kelantan. Hasil kajian membuktikan bahawa amalan pendinding yang diamalkan oleh sesetengah usahawan Melayu di Kelantan salah dari sudut akidah Islam. Kepercayaan bahawa tulang dan kuku harimau, tulang unta, cebisan kelambu Kaabah, dan lain-lain objek memberikan perlindungan kepada diri dan perniagaan merupakan perbuatan yang salah dan syirik. Keyakinan segelintir usahawan Melayu Kelantan terhadap pertolongan Allah sangat sedikit sehingga melebihi objek pendinding yang dipercayai. Kebanyakan orang beranggapan bahawa usaha tersebut sebagai suatu ikhtiar untuk mendapatkan perlindungan daripada Allah, walhal tahap keyakinan mereka diletakkan terhadap objek tersebut. Menurut kajian Mohd. Nizam dan Shuhairimi (2013), untuk melindungi diri, keluarga dan harta, sesetengah masyarakat mengamalkan ilmu dunia, termasuk ilmu yang bertentangan dengan syarak sebagai fungsi pakaian zahir untuk mempertahankan diri dan dihormati oleh masyarakat.

Begitulah juga dengan kepercayaan terhadap penunggu keris sehingga menganggapnya istimewa dan sebagai tempat bergantung harap untuk melindungi diri daripada musibah kecurian, khianat pesaing, dan sebagainya. Di samping itu, kepercayaan terhadap amalan warisan dan kepercayaan orang-orang tua dahulu tanpa berlandaskan sumber syarak seperti yang digariskan oleh JAKIM boleh mengundang kesesatan dan penyelewengan akidah dalam amalan harian, khususnya dalam aktiviti perniagaan.

Dalam akidah Islam, konsep pendinding yang sebenar-benarnya adalah dengan memohon perlindungan Allah semata-mata dan tidak selain Allah. Dalam Islam, memohon perlindungan Allah daripada segala kejahatan dan perkara buruk merupakan salah satu usaha untuk mendapatkan keredaan dan keberkatan-Nya. Segala urusan perniagaan perlulah dijalankan menurut syariat Islam, serta bersumberkan al-Quran dan sunah. Dalam hal ini, akidah tidak hanya cukup dengan percaya sahaja tetapi perlu difahami dengan mendalam dan diyakini dengan hati yang ikhlas, serta meninggalkan unsur syirik dan khurafat. Mengesakan Allah SWT bukan hanya

dalam bentuk pengakuan tetapi perlu dizahirkan dalam bentuk perbuatan dan ibadah yang hanya ditujukan kepada Allah SWT. Dalam beribadah pula, ilmu yang ingin diamalkan hendaklah berdasarkan al-Quran dan sunah. Manusia sebagai hamba-Nya pula tidak boleh menambah atau mencipta sesuatu hukum kerana boleh membawa kesesatan yang jatuh ke kancah syirik dan khurafat. Apatah lagi kepercayaan terhadap benda yang berupa azimat dan tangkal boleh membawa kesesatan dan penyimpangan akidah Islam yang sebenar. Fariza *et al.* (2012) dalam kajiannya membuktikan dengan jelas bahawa benarlah faktor utama pendinding diri seseorang adalah dengan melakukan amalan dan penghayatan dalam beragama, serta keyakinan yang tinggi terhadap kewujudan Allah SWT dan balasan-Nya yang mencatatkan 96.3 peratus; berpegang teguh dengan ajaran Islam 90.7 peratus; dan keyakinan Allah sebagai pelindung diri daripada makhluk halus 81.5 peratus.

Menurut Rohidzir (2009) dalam bukunya *Terapi Ruqyah*, terdapat beberapa amalan yang dapat diamalkan sebagai langkah berjaga-jaga daripada serangan sihir, jin, dan sebagainya. Pertama, mentauhidkan Allah SWT dan ibadat yang dilakukan ikhlas semata-mata kerana Allah, serta menjauhi perkara syirik. Kedua, melaksanakan semua suruhan yang dipertanggungjawabkan oleh Allah. Di samping itu, wajib meninggalkan segala larangan dan tegahannya. Andainya terlanjur, hendaklah segera meminta ampun dan bertaubat kepada Allah SWT. Ketiga, memperbanyak bacaan al-Quran dan menjadikannya sebagai zikir dan wirid. Seterusnya, melindungi dan memagari diri dengan memperbanyak bacaan doa, *ta'awwuz*, serta zikir yang *ma'thur*. Sebagai usaha terakhir, makanlah tujuh biji buah kurma setelah bangun pada waktu pagi sebelum menjamah sebarang makanan lain. Mengikuti saranan Rasulullah SAW dalam hadis Baginda:

“Sesiapa bersarapan pagi dengan tujuh biji tamar ‘Ajwah, dia tidak akan terkena bahaya racun dan sihir pada hari tersebut.”

(Muslim)

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dirumuskan bahawa amalan pendinding bukanlah sesuatu yang salah dalam Islam, malah Islam amat menggalakkan penganutnya untuk memohon perlindungan Allah SWT. Dalam al-Quran dan hadis juga jelas menunjukkan cara dan ayat yang boleh digunakan untuk melindungi diri daripada kejahatan makhluk. Walau bagaimanapun, amalan pendinding yang diamalkan oleh segelintir usahawan Melayu Kelantan didapati bercanggah dengan ajaran Islam sebenar. Hasil kajian menunjukkan bahawa segelintir masyarakat Kelantan masih mempercayai objek pendinding,

kepercayaan lama, serta amalan pendinding diri, harta dan perniagaan. Kepercayaan yang diamalkan masih mengandungi unsur syirik dan khurafat kerana beriktikad bahawa objek pendinding berupaya memberikan perlindungan, selain Allah. Isunya, amalan pendinding dalam kalangan usahawan Melayu Kelantan bukannya salah dari segi amalan tetapi kaedah yang diterapkan dan kepercayaannya terpesong kerana meyakini adanya kuasa lain memberikan perlindungan selain Allah SWT. Dengan kata lain, mereka mempercayai Allah sebagai pemberi rezeki tetapi pada masa yang sama mempercayai objek pendinding memberikan keuntungan kepada perniagaan mereka. Pemikiran dan kepercayaan mereka ini sudah tentunya menyimpang daripada konsep akidah dan tauhid yang sebenar. Oleh itu, masyarakat Islam, khususnya usahawan Melayu Kelantan yang terlibat dengan perkara syirik atau khurafat; menggunakan azimat, tangkal atau pendinding; dan mengamalkan jampi serapah yang bertentangan dengan akidah, syariat dan akhlak Islam wajib segera bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah SWT. Keyakinan bahawa Allah Pemberi Rezeki dan Allah Maha Pelindung hendaklah diyakini dan dipraktikkan dalam kehidupan sebenar, khususnya dalam perniagaan tanpa unsur yang mensyirikkan Allah SWT.

PENGHARGAAN

Artikel ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan Geran Jangka Pendek 2015 Universiti Sains Malaysia (304/PHUMANITI/6313196). Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia atas pembiayaan geran untuk tujuan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdullah Yasin, 2008. *Aqidah Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah*. Kuala Lumpur: Furqan Enterprise.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il Abu 'AbdAllah, *Sahih al-Bukhari*, (Tahqiq: Muhammad Zahir bin Nasir Al-Nasir), Jiddah, Dar Tauq al-Najah, 1422H.
- Al-Maraghiy, Muhammad Abduh, 2001. *Tafsir al-Maraghiy*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Naisaburi, Muslim, Abu Al-Husin Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi, "Bab Naqdi al-Ahkam al-Batilah waraddi Muhdathat al-Umur" dlm. *Sahih Muslim*, al-Riyad, Dar al-Taibah, 2006.
- Al-Qur'anul Kareem Rasm Uthmani dan Terjemahannya*, 2012. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.
- Al-Sijistani, Abu Dawud Sulaiman, "Bab fi al-Tiyarah" dlm. *Sunan Abu Dawud*, (Tahqiq:

- Syu'ib al-Arnaut dan Muhammad Kamil), Dar al-Risalah al-'Ilmiyyah, 2009.
- Al-Syaibani, Ahmad Hanbal, Abu 'Abd Allah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal bin Asad, *Musnad Ahmad bin Hanbal*, Beirut, Muassasah al-Risalah, 2001.
- Ani Haji Omar, "Pantang Larang dalam Kalangan Orang Melayu: Analisis dari Perspektif Teori SPB4K" dlm. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 7:1, 2014.
- Awang, A. B., Ahmad, Z. A. dan Subari, K. A., "Entrepreneurial Orientation among Bumiputera Small and Medium Agro-Based Enterprises (BSMAEs) in West Malaysia: Policy Implication in Malaysia" dlm. *International Journal of Business and Management* 5:5, hlm. 130–43, 2010.
- Bahagian Penyelidikan JAKIM, 2008. *Khurafat dan Azimat: Garis Panduan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Belucci, Thomas Wilson, "The Amulet Collection of Professor Belucci" dlm. *Journal of American Folk-Lore* 4:13, 1891.
- Brian Parkinson, "Non-Economic Factors in the Economic Retardation of the Rural Malays" dlm. *Modern Asian Studies* 1:1, 1967.
- Budge, E. A. Wallis, 1930. *Amulets and Superstitions: The Original Texts with Translations and Descriptions of a Long Series of Egyptian, Sumerian, Assyrian, Hebrew, Christian*. Oxford: Oxford University Press.
- Creswell, J. W., 2005. *Educational Research – Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Edisi Ketiga. New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Fariza Md. Sham *et al.*, "Faktor Histeria dalam Kalangan Remaja Sekolah" dlm. *Sains Humanika* 59:1, 2012.
- Ghani, M. A. A., Darawi, Z. dan Pengurusan, F. E., 2012. "Transformasi dan Prestasi Perniagaan Usahawan Melayu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Johor Bahru" dlm. *Prosiding Perkim VII*. Jilid 1, hlm. 696–708.
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, "The Implementation of Islamic Business Practices of Women" dlm. *Global Journal of al-Thaqafah* 4:2, 2014.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lindquist, G., 2002. "Spirits and Souls of Business New Russians, Magic and the Esthetics of Kitsch" dlm. *Journal of Material Culture* 7:3, hlm. 329–43.
- Longenecker, J. G., Moore, C. W., Petty, J. W. dan Palich, L. E., 2006. *Small Business Management: An Entrepreneurial Emphasis*. Edisi ke-13. Mason, OH: Thompson South-Western.
- Maclehose, James and Sons, 1907. *Kelantan*. The Library of The University of California: Los Angeles.
- Madura, J., 2007. *Introduction to Business*. Edisi Keempat. Mason, OH: Thompson South-Western.
- Masoud, T. dan Elaheh, A., "Spiritual Quotient and Entrepreneurship" dlm. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business* 4:5, 2012.
- Mohd. Nizam Sahad dan Shuhairimi Abdullah, "Santau dan Masyarakat Melayu: Analisis

- dari Perspektif Akidah Islam” dlm. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 6:2, 2013.
- Mohd. Taib Osman, 1982. *Manual for Collecting Oral Tradition*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ahmad, 2009. “*The Influence of Culture on Malay Muslim Business Practice: A Case Study of Malaysia with Special Reference to the State of Kelantan Dār al-Na’īm*”. Tesis PhD. University of Birmingham.
- Na’imah, T., “Aplikasi Kaunseling Keluarga Islam untuk Mengatasi Masalah Psikososial Akibat Kemiskinan” dlm. *Psycho Idea* 9:2, 2011.
- Nor Rafidah Hj. Mokhtar dan Mohd. Nizam Sahad, “Amalan Pendinding Rumah bagi Masyarakat Melayu Brunei: Tinjauan dari perspektif Akidah Islam” dlm. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2:1, 2014.
- Norshuhaida Mohamad, 2014. “*Faktor-faktor Kejayaan dan Masalah dalam Pengendalian Perniagaan di Kalangan Usahawan Wanita di Dua Buah Daerah di Negeri Kelantan*”. Tesis Ijazah Sarjana. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rohidzir Rais, 2009. *Terapi Ruqyah. PENDING Gangguan Sihir, Jin dan Syaitan dengan al-Quran dan Hadis*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Scarborough, N. M. dan Zimmerer, T. W., 2006. *Essentials of Entrepreneurship and Small Business Management*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson/Prentice Hall.
- Sham, F. M., Muhamad, S. N., Saparudin, I. F., Hamjah, S. H., Ismail, R., dan Kashim, M. I. A. M., “Faktor Histeria dalam Kalangan Remaja Sekolah” dlm. *Sains Humanika* 59:1, 2012.
- t.n. “Kemajuan Malaysia” dlm. *Utusan Melayu*, 12 Julai 2012.
- Van Gelderan, M., 2007. “Research Based Yet Action Oriented: Developing Individual Level Enterprising Competencies”. Kertas kerja 17th Global Conference – Internationalizing Entrepreneurship Education and Training. Faculty of Management and Economics, Gdansk University of Technology, Gdansk, Poland, 8–11 Julai 2007.